



CENDERAHATI ..... Mohd Nazri (kiri) dan Hairuddin bertukar-tukar cenderamata sambil diperhatikan pelajar Kolej Vokasional Tawau yang melawat UMS Labuan, kelmarin.

## 25 pelajar Kolej Vokasional Tawau lawat sambil belajar ke UMSKAL

NST 20.11.2015 8

LABUAN: Seramai 25 pelajar Kolej Vokasional Tawau (KVT) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Rombongan yang diketuai Pensyarah ICT, Hairuddin Yaakup itu bertujuan untuk mendedahkan pelajar mengenai program pembelajaran Sistem Komputer dan Rangkaian.

Katanya, lawatan itu juga untuk memberi peluang kepada pelajar Diploma Tahun Satu mengenai sistem pembelajaran dan kehidupan seharian yang harus ditempuhi oleh setiap pelajar yang belajar di UMSKAL.

" Mereka yang pertama kali berkunjung ke Labuan bukan sahaja teruja dengan keindahan pulau ini, tetapi juga dapat meningkatkan motivasi pelajar sebelum melanjutkan pengajian tinggi ke IPTA di negara ini" katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima cenderamata daripada Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan Komputer UMSKAL, Mohd Nazri Suin.

Turut hadir Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan Komputer UMSKAL, Mariana Munggi, Penolong Pegawai Tadbir, Mohizam Mohamad dan Pegawai Khidmat Pelanggan, Nor Atiqah Mustaffa.

Penolong Pendaftar, Dg Norsiah Ag Seman mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik menyambut ketibaan rombongan KVT yang disertai 15 pelajar lelaki

dan 10 pelajar perempuan.

Selain taklimat, mereka melawat makmal Fakulti Komputeran Informatik (FKI) dan lokasi cerapan 'anak bulan' di Aras 13, Bangunan Menara UMSKAL.

Selain UMSKAL, pelajar tersebut yang bakal menjalani latihan industri turut melawat Kolej Vokasional Labuan dan Kolej Matrikulasi Labuan. - OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainuddin@newsabahtimes.com.my)